



“*Bagaimanapun, kekuatan elemen perpaduan dalam karya sastra Mahua dan Tamil yang menyentuh unsur nasionalisme dan watak orang Melayu dilihat tidak begitu kuat*”

**Anwar Ridwan,**  
Sasterawan Negara

Oleh Kalsom Rahmathulah  
bhsastera@bh.com.my

# Perpaduan dalam karya sastra

Perpaduan dalam karya sastra bukanlah sekadar omong kosong, sebaliknya pengarang sastra bertanggungjawab untuk mewujudkan perpaduan melalui penulisan dengan mengetengahkan idea itu kepada masyarakat.

Bagaimanapun, sejauh mana penulis pelbagai kaum di negara ini berjaya menterjemahkan konsep perpaduan kaum yang secara realitinya berbeza dengan harapan dalam kehidupan seharian.

Persoalan itulah yang dikupas dan diperdebatkan secara ilmiah dalam Persidangan Kebangsaan Karya Penulis Pelbagai Kaum di Malaysia, di Pulau Pinang, baru-baru ini.

## Karya tonjol perpaduan kaum

Sasterawan Negara (SN), Datuk Dr Anwar Ridwan, berkata penelitian terhadap karya sastra kebangsaan yang menampilkan watak pelbagai kaum, menjadi idea daripada penganang untuk mewujudkan suasana perpaduan dan integrasi kaum.

Beliau menyentuh mengenai karya *Interlok* karya SN Datuk Abdullah Hussain dan *Isteri Leong Beranak* (A Wahab Ali) serta antologi *Cerita Seorang Seniman* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai antara karya yang bertujuan memupuk dan menyedarkan kepentingan perpaduan dalam kehidupan masyarakat majmuk.

» *Penonjolan dalam penulisan masih kurang, watak diikat ikut dasar politik, lakonan semata-mata*

“Di samping menonjolkan perpaduan kaum, penggunaan watak orang Melayu dalam sastra Mahua, iaitu sastra bahasa Cina yang ditulis oleh orang Cina di negara ini dan sastra Tamil seperti karya Wong Seng Tong dan M Ramaiya membawakan idea masing-masing untuk menzhahirkan realiti.

“Bagaimanapun, kekuatan elemen perpaduan dalam karya sastra Mahua dan Tamil yang menyentuh unsur nasionalisme dan watak orang Melayu dilihat tidak begitu utuh,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Karyawan Pulau Pinang, Prof Dr Sohaimi Abdul Aziz, pula mengetengahkan perpaduan fungsional yang mendominasi hubungan perpaduan antara



Sohaimi (kiri) membentangkan ucap tamanya pada Persidangan Kebangsaan Karya Penulis Pelbagai Kaum di USM, baru-baru ini.  
[FOTO KALSOM RAHMATHULAH/BH]



Hadirin mengajukan soalan kepada panel.

kaum dalam karya sastra.

**Hubungan sekadar lakonan**  
Beliau berkata, kebanyakan karya lebih terdorong untuk memperlihatkan hubungan fungsional yang juga membawa maksud ikatan yang terpaksa

dilalui disebabkan keadaan masyarakat berbilang kaum dalam negara.

Katanya, ia mewujudkan hubungan praktikal yang terjadi dalam masyarakat untuk mencapai tujuan politik, ekonomi dan sosial.

“Watak yang dikemukakan dalam karya, diikat melalui dasar kebangsaan seperti budaya kerjasama, bertolak ansur dan saling hormat-menghormati.

“Hubungan fungsional yang wujud itu dilihat sebagai ikatan tanpa keikhlasan, melainkan lakonan semata-mata, namun ia sekadar diterima bagi kelangsungan hidup masyarakat,” katanya.

Bagaimanapun, Sohaimi menegaskan perpaduan empatetik, iaitu perpaduan sebenar tidak wujud disebabkan pelbagai keangangan.

## Bentang 13 kertas kerja

Beliau berkata, penggunaan penyelesaian yang klise dalam penceritaan seperti perkhawinan antara kaum masih tidak mampu menunjukkan kekuatan perpaduan empatetik, malah pada akhirnya, ia hanya suatu idea fungsional iaitu memberi persepsi perpaduan dalam kepura-puraan.

Katanya, situasi perpaduan empatetik mungkin dapat diwujudkan secara imaginasi karyawan, bagaimanapun ia hanya mampu dicapai secara realiti apabila

faktor penjajah, pendidikan dan politik perkauman ditangani.

Persidangan Kebangsaan Karya Penulis Pelbagai Kaum di Malaysia anjuran Persatuan Karyawan Pulau Pinang itu turut menampilkan 13 kertas pembentangan yang menyorot isu itu secara menyeluruh.